

Malaysia sedia salur bantuan kewangan kepada Lubnan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyuarakan kesediaan Malaysia menyalurkan bantuan kewangan kepada Lubnan dalam usaha membantu mangsa di negara itu terkesan akibat serangan Israel.

Perdana Menteri memaklumkan perkara itu sendiri kepada

rakan sejawatnya dari Lubnan, Najib Mikati, dalam pertemuan sebelum kedua-duanya menyertai Sidang Kemuncak Luar Biasa Negara Arab-Islam di Riyadh, Arab Saudi, semalam.

“Dalam pertemuan ini saya nyatakan sokongan berterusan Malaysia terhadap Lubnan yang

kini berdepan kegilaan rejim Zionis Israel.

“Malaysia juga terkesan secara langsung dengan ketegangan di Lubnan susulan insiden serangan Israel sehingga mengakibatkan enam anggota Batalion Malaysia (MALBATT) yang menyertai misi Pasukan

Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIFIL) tercedera.

“Saya juga maklumkan kepada Perdana Menteri Mikati bahawa Malaysia bersedia menyalurkan bantuan kewangan kepada Lubnan untuk membantu mangsa yang terkesan akibat

serangan Israel,” katanya dalam kenyataan di Facebooknya semalam.

Beliau dijangkakan membawa usul menghentikan kekejaman Israel terhadap Palestin dan menyampaikan suara serta harapan Malaysia di pentas antarabangsa.